

## **GARIS PANDUAN TERHADAP PENERAPAN MAQASID SYARIAH DALAM FATWA: ANALISIS IJTIHAD MAQASIDI**

Mustaqim, M. R. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000  
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: [muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

Anwar, O.Z.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000  
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6012-4054232 E-mail: [anwar.osmanzainuri@usas.edu.my](mailto:anwar.osmanzainuri@usas.edu.my)

---

### **Abstrak**

Al-Ghazali menjelaskan bahawa maqasid syariah itu seperti kiblat para mujtahid. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya saduran maqasid syariah itu diperlukan dalam berijtihad. Namun begitu, pemahaman kepada maqasid syariah semata-mata adalah tidak mencukupi tanpa garis panduan khusus dalam memandu pihak yang berautoriti dalam berijtihad. Kesannya besar kepada umat Islam sejagat apabila hal ehwal *daruriyat* tidak diadun dengan baik. Oleh yang demikian artikel ini mengetengahkan objektif utama iaitu mengenal pasti garis panduan terhadap penerapan maqasid syariah dalam fatwa. Artikel ini memberi tumpuan kepada interpretif dan kualitatif dalam mengadaptasikan kerangka kajian. Kaedah pengumpulan dan analisis data ialah analisis kandungan dokumen bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Selain itu juga, kajian ini juga menggunakan sumber dokumen dari kitab-kitab tafsir, buku-buku akademik, jurnal dan kajian ilmiah lepas. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima garis panduan dalam menerapkan maqasid syariah dalam ijтиhad iaitu dimulai dengan penguasaan ilmu maqasid syariah, penerapan maqasid syariah bersumberkan dalil yang kukuh, mampu membezakan di antara maqasid dan *wasa'il*, mampu mengenal pasti *'illah* dalam sesuatu suruhan mahupun larangan dan mampu membezakan antara *thawabit* dan *mutaghayyirat*. Oleh itu, penulis mengharapkan agar garis panduan ini diperluaskan lagi pada masa hadapan agar menjadi kayu ukur dalam berijtihad.

**Kata Kunci:** *Daruriyat; Fatwa; Garis Panduan; Ijtihad maqasidi; Penerapan*

---

### **Abstract**

Al-Ghazali expressed that maqasid syariah is the qibla of the mujtahids. This shows how important the mastery of maqasid syariah in ijtihad. However, an understanding of the maqasid syariah alone is not sufficient without specific guidelines in guiding those responsible in ijtihad. It gives an immense effect on Muslims worldwide when *daruriyat* matters are not managed well. This article aims to identify guidelines for the application of maqasid syariah in ijtihad. The approach of this article is interpretive and qualitative in adapting the framework of the study. The data collection and analysis are based on document content analysis by analyzing the Quran and Sunnah. In addition, this study is also used documents found in books of tafsir, academic books, journals, and past scholarly studies.

The finding of the study found that there are five guidelines in applying maqasid syariah in ijтиhad, which starts with mastering the knowledge of maqasid syariah, the application of maqasid syariah with strong evidence, ability to distinguish between maqasid and *wasa'il*, ability in identifying '*illah*' in an order or prohibition, and ability to distinguish between *thawabit* and *mutaghayyirat*. Hence, the author hopes that these guidelines will be further expanded in the future to become a benchmark in ijтиhad.

**Keywords:** *Daruriyat*; Fatwa; Guidelines; *Ijtihad maqasidi*; Application

## Pengenalan

Penerapan maqasid syariah di dalam sesuatu fatwa adalah sangat diperlukan dalam mencapai kehendak syarak. Namun, pemakaianya harus dikawal agar sesuatu fatwa itu tidak dikeluarkan mengikut hawa nafsu semata-mata. Seseorang mujtahid mesti lebih berhati-hati dalam setiap fatwa yang dikeluarkan agar fatwa yang dikeluarkan itu memberikan kesan yang baik kepada umum dan menghindari keburukan. Sebab itu kunci kepada prinsip ketelitian fatwa ialah menyerahkan urusan mengeluarkan fatwa kepada ahlinya yang telah memenuhi syarat sebagai seorang mufti. Setiap mufti yang berkelayakan itu pula perlu cermat dan berhati-hati untuk mengeluarkan sesuatu fatwa atau hukum dalam masyarakat (Ismail & Baharuddin, 2021). Garis panduan terhadap penerapan maqasid syariah dalam ijтиhad itu sangat penting bertujuan agar setiap mujtahid itu sentiasa mengambil perhatian tentang langkah-langkah dan cara-cara sebenar dalam memperhalusi konsep maqasid syariah dalam fatwa.

Dalam perbahasan ini, penulis akui bahawa terdapat begitu banyak cara dan metodologi penulisan akademik berkaitan penerapan maqasid di dalam satu-satu fatwa. Namun di sini penulis hanya mendatangkan beberapa garis panduan yang paling utama terhadap penerapan maqasid syariah dalam fatwa yang difikirkan sangat penting ke atas para mujtahid. Oleh yang demikian, secara khususnya artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu, apakah garis panduan terhadap penerapan maqasid syariah dalam fatwa?

## Sorotan dan Metodologi

Penulis telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlebar di bawah skop *ijtihad maqasidi* bagi memperkuatkannya lagi perbincangan artikel ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan kajian Mustafa, Ali, & Saadan (2019) tentang hukum semasa yang diputuskan atas '*illah darurah*' akan dikaitkan dengan fatwa kerana fatwa berperanan sebagai penjelas hukum semasa yang berlaku. Kajian ini tertumpu kepada maqasid syariah melalui elemen *kulliyat al-khams* dalam fatwa yang berkaitan dengan *darurah*. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti keputusan-keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah* dan seterusnya menganalisis elemen *kulliyat al-khams* dalam keputusan-keputusan tersebut. Kajian berbentuk kualitatif dan menggunakan metode penerokaan diadaptasikan melalui kajian kepustakaan. Analisis data pula adalah dengan menggunakan metode analisis kandungan dokumen. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa maqasid syariah diambil kira sebagai salah satu pertimbangan dalam mengukur *darurah* yang dialami. Daripada 31 keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah*, elemen *kulliyat al-khams* dinyatakan dengan tepat mengikut kategori. Kajian ini merumuskan bahawa maqasid syariah perlu dititikberatkan dalam pengeluaran hukum semasa terutama yang melibatkan isu *darurah*. *Darurah* yang dialami perlu dikenal pasti kesannya terhadap elemen *kulliyat al-khams* bagi memastikan keputusan hukum selari dengan maqasid yang digariskan dalam syarak. Kajian ini berbeza dengan artikel penulis kerana ia tertumpu

kepada elemen *kulliyat al-khams* dalam fatwa yang berkaitan dengan *darurah*, adapun penulisan ini adalah berfokus kepada garis panduan penerapan maqasid dalam fatwa.

Andriyaldi (2013) dalam sebuah artikel, menyatakan *ijtihad maqasidi* amat diperlukan dalam konteks kontemporeri, sama ada dalam persoalan ijtihad ulama klasik atau isu baru pada zaman moden. Tujuan utama *ijtihad maqasidi* ini adalah menghasilkan hukum Islam yang merealisasikan maslahat dalam sistem kehidupan manusia. *Masalik al-ijtihad* mesti menjadi pegangan seorang ulama. Masih banyak persoalan-persoalan lain dalam bidang perubatan dan muamalat yang memerlukan kajian khusus dengan mempertimbangkan kemungkinan bagi seseorang dan memperhatikan pertimbangan-pertimbangan syarie (*fiqh al-muwazanah* dan *fiqh al-awlawiyyat*). Kajian ini turut mengetengahkan kepentingan *ijtihad maqasidi* dalam hukum Islam dan ia tidaklah tertumpu kepada garis panduan dalam penerapan maqasid.

Ghazali (2015) dalam artikelnya membincarakan mengenai takrif maqasid syariah, pembahagian, istilah yang digunakan dalam menggambarkan maqasid dan kepentingan dalam berijtihad. Beliau menghuraikan maqasid terbahagi kepada maqasid umum, maqasid khas dan maqasid sebahagian (*al-juz'iyyah*), pembahagian maqasid syariah mengikut *maslahah* yang terbahagi kepada tiga iaitu *daruriyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyat* di samping sejarah perkembangan ilmu ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa istilah maqasid telah muncul dengan kefahaman yang lebih meluas seperti pendapat Ibn 'Ashur iaitu memelihara sistem kehidupan manusia dan tidak terikat dengan *kulliyat al-khams* seperti yang dinyatakan oleh fuqaha terdahulu. Bagi fuqaha tradisional dan semasa, terdapat perbezaan dalam menggunakan istilah yang berkaitan maqasid. Kajian ini secara dasarnya membincangkan tentang konsep maqasid syariah secara umum namun ia tidak begitu berfokus kepada garis panduan penerapannya dalam fatwa.

Selain daripada artikel-artikel lepas yang telah disoroti penulis, perincian berkaitan dengan metodologi kajian dalam menyelesaikan artikel ini turut dihuraikan agar hasil dapatan mencapai objektif dan persoalan kajian. Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana sebuah kajian itu ingin dijalankan dengan menghasilkan dapatan yang berkualiti untuk dimanfaatkan bersama (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Oleh itu, penulis telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu daripada tiga aspek penting iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode kajian. Oleh itu, falsafah di sebalik kajian penulis ini adalah interpretif iaitu berupaya untuk menjelaskan, memahami dan menafsirkan suatu makna dan simbol yang dimunculkan dalam satu-satu realiti sosial yang dikaji (Rosalina, 2017). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Menurut Miles dan Huberman (1994), kajian kualitatif ialah satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada *word and picture* atau satu kajian yang dibuat menggunakan huraian dan pelaporan secara *verbatim* (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data pula penulis telah mengadaptasikan kaedah analisis kandungan dokumen dalam artikel ini. Menurut Creswell (2009), proses analisis data ini juga turut merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif.

## Konsep *Ijtihad Maqasidi*

Istilah *ijtihad maqasidi* bukanlah satu istilah yang janggal dan asing bagi penuntut ilmu usul al-fiqh. Ini adalah kerana peranan maqasid dalam ijtihad itu tidak dapat tidak mesti sentiasa didampingi dalam semua hal ehwal fatwa dan ijtihad. Benarlah kata al-Sayuti (1983) bahawa:

"مقاصد الشرع قبلة المجتهدين، من توجه إلى جهة منها، أصاب الحق"

Maksudnya: "Maqasid syariah itu adalah kiblat para mujtahid, sesiapa yang menghadap ke arahnya, nescaya dia telah menepati kebenaran".

Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya penerapan maqasid syariah itu dalam ijtihad. Para sarjana usul al-fiqh telah banyak menghasilkan pelbagai nukilan ilmiah dalam membincangkan peranan mahupun kepentingan maqasid syariah dalam ijtihad. Sehingga ada di antara mereka yang meletakkan syarat memahami maqasid syariah itu adalah sebagai syarat asas selain memahami dan mengusai al-Quran dan Sunnah dalam berijtihad (Namlah, 2009). Tidak jauh bezanya juga dengan teori ijtihad yang dibawa oleh tokoh maqasid syariah iaitu al-Syathibi. Beliau merupakan orang pertama daripada sarjana usul al-fiqh terawal yang menjadikan ilmu maqasid syariah itu sebagai syarat utama yang harus dipenuhi untuk mencapai darjah ijtihad (Raysuni, 2014). Ia sekali gus memandu sesuatu fatwa itu agar menitikberatkan semua elemen dalam maqasid syariah.

Perkataan *ijtihad maqasidi* merupakan satu istilah yang berasal daripada dua perkataan yang berbeza maksudnya iaitu ijtihad dan maqasid. Pada sudut bahasa, perkataan *ijtihad* (اجتہاد) adalah diambil daripada bahasa Arab yang datang dalam bentuk *masdar* iaitu kata terbitan daripada kata akarnya "ja-ha-da" (جهد) (Ghalayayni, 1986). Perkataan (جهد) itu membawa maksud (الوسع والطاقة) iaitu "kekuatan, kemampuan dan kesanggupan" (Munawwir, 1997). Namun begitu, terdapat juga yang menterjemahkan perkataan (جهد) itu dengan membawa maksud bersungguh-sungguh dalam mengeluarkan daya usaha untuk mencapai tujuan (Umar, 2008). Takrifan itu turut disokong oleh Abu Zahrah (1965) yang mana perkataan (جهد) itu membawa maksud mencerahkan segala kemampuan untuk mencapai sesuatu atau melakukan sesuatu atau bererti pula bersungguh-sungguh. Manakala pada sudut istilah syaraknya pula, penulis berpandangan bahawa kebanyakannya ilmuan usul al-fiqh menterjemahkannya pada satu maksud yang sama dan yang membezakannya hanyalah gaya bahasa yang digunakan mereka. Menurut Abu Zahrah (1965), ijtihad membawa maksud pengerahan kemampuan seorang faqih dalam menggali hukum-hakam yang bersifat amali dari dalil-dalilnya yang terperinci. Manakala menurut al-Zarkashi (1992) pula, ijtihad adalah mengerah usaha dan kesungguhan untuk mencari hukum syarak yang berbentuk praktikal dengan melakukan proses istinbat.

Adapun perkataan maqasid pula diambil daripada bahasa Arab (مقاصد) yang merupakan kata jamak kepada (مقصد) dan (مقصد). Kedua-dua perkataan ini merupakan kata dasar mahupun kata kerja dari perkataan "qa-sa-da" (قصد) (al-Qazwini & Ahmad, 1986). Kata kerja ini mempunyai beberapa makna antaranya ialah lurus, sederhana, berjimat cermat, berniat atau bermaksud, dan menuju kepada sesuatu (al-Fayyumi, 1906). Menurut Mawardi (2010), ia juga turut diterjemahkan sebagai menuju suatu arah, tujuan, tengah-tengah, adil dan tidak melampaui batas, jalan lurus, tengah-tengah antara berlebih-lebihan dan kekurangan. Perkataan maqasid pada sudut terminologi mahupun istilah syarak adalah merujuk kepada istilah maqasid syariah (مقاصد الشريعة). Menurut Ahmad Raysuni (1992), maqasid syariah itu adalah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Menurut Wahbah al-Zuhayli (1986) pula, beliau mendefinisikan maqasid syariah itu sebagai nilai, tujuan dan rahsia syarak dalam semua atau sebahagian besar hukumnya.

Daripada definisi ijтиhad dan maqasid yang diuraikan ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa *ijтиhad maqasidi* itu ialah:

“Penerapan maqasid syariah dalam semua proses hal ehwal ijтиhad untuk mendapatkan hukum-hakam yang harmoni demi menjaga lima prinsip asasnya iaitu agama, jiwa, akal, keturunan mahupun harta serta menolak segala kerosakan”.

Takrifan ini sedikit sebanyak mempunyai kesamaan dengan definisi yang dibawa oleh al-Khadimi (2010) yang mana *ijтиhad maqasidi* itu adalah penggunaan maqasid syariah dan kupasan tentangnya, dan menghadirkan dengannya dalam proses ijтиhad Fiqh. Namun penulis lebih selesa memasukkan lima prinsip asas maqasid syariah itu dalam mentakrifkan istilah *ijтиhad maqasidi*. Walaupun gaya bahasa penulis dalam mentakrifkan istilah *ijтиhad maqasidi* agak sedikit berbeza dengan yang lainnya, namun konsepnya masih kekal berada di atas landasan ilmiah.

### **Penguasaan Ilmu terhadap *Maqasid Syariah***

Adalah menjadi suatu kemestian ke atas seseorang mujtahid mahupun mufti untuk mendalam dan menguasai ilmu maqasid syariah. Ia juga merupakan saranan Ibn ‘Ashur antara salah seorang ahli maqasid yang turut menyeru kepada para mujtahid agar menguasai ilmu usul al-fiqh dan ilmu maqasid syariah kerana maqasid dan usul seperti jasad dan ruh yang tidak boleh dipisahkan (Ghazali, 2015). Ini penting agar prinsip dan konsep yang diterapkan dalam fatwa yang ingin dikeluarkan itu benar-benar memberikan kebaikan kepada manusia sejagat. Atas sebab itu mempunyai pengetahuan dan keupayaan mengenal pasti maslahat umum perundangan seperti yang dimaksudkan oleh syarak adalah cara asas untuk mengeluarkan hukum yang tidak mempunyai nas sama ada dengan menggunakan sumber qiyas atau lainnya (Khallaf, 1972).

Ia turut disokong oleh Ibn ‘Ashur yang menekankan bahawa pengetahuan kepada maqasid dan *maslahah ‘ammah* adalah sangat diperlukan dalam ijтиhad bahkan menjadi tanggungjawab kepada para fuqaha untuk mengetahuinya (Ibn ‘Ashur, 2013). Menurut al-Zuhayli (1986), terdapat tiga syarat *maslahah* yang perlu diambil kira dalam hal ehwal ijтиhad iaitu *maslahah* mesti bersifat hakiki dalam merealisasikan kemaslahatan manusia sejagat, mesti tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah dan mesti tidak bercanggah dengan ijmak yang sahih. Penulis akui bahawa kejihilan kepada ilmu maqasid syariah akan mengundang kepada pengeluaran fatwa yang hanya mengikut hawa nafsu semata-mata. Akhirnya, pertelingkahan yang tidak berasas akan wujud dalam kalangan para ilmuan Islam.

### **Penerapan *Maqasid Syariah* mesti dengan Dalil yang Kukuh**

Sumber induk utama perundangan Islam sejak zaman Rasulullah SAW sehingga hari ini ialah al-Quran dan Sunnah (Omar & Hussin, 2020). Oleh kerana itu asas di dalam sesuatu pengeluaran fatwa, nas mahupun dalil daripada al-Quran dan Sunnah itu mesti diutamakan. Ia penting agar setiap maslahat dan kepentingan yang ingin dijaga itu benar-benar dikehendaki syarak. Metode yang hanya mendahului akal semata-mata daripada nas mesti dielakkan agar fatwa yang dikeluarkan tidak menyimpang jauh dari matlamat sebenar. Apatah lagi menolak untuk berhujah dengan al-Quran dan al-Sunnah atau mendahului akal daripada dalil-dalil serta menjadikan akal sebagai sumber utama (Bhari, 2010). Ini merupakan suatu kepincangan dan kecelaruan dalam berfatwa. Oleh kerana itu, menetapkan maqasid syariah tanpa dalil adalah dilarang keras oleh Allah SWT. Ia disokong oleh firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu mengikut apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya”. (Q.S. Al-Isra’: 17:36)

Jika kita merujuk kepada tulisan-tulisan dari sarjana usul al-fiqh, mereka telah banyak membahaskan tentang pelbagai cara mahupun kaedah dalam mengenal pasti maqasid syariah. Antaranya penulis datangkan secara ringkas kaedah dalam mengenali maqasid syariah yang pernah digariskan oleh bapa maqasid iaitu al-Syathibi di dalam kitabnya al-Muwafaqat. Pertamanya ialah pencarian maqasid melalui *istiqra'*, kedua pencarian maqasid melalui penelitian terhadap ‘illah hukum, dan pencarian maqasid melalui penelitian terhadap suruhan atau larangan Allah (al-Syathibi, 1997).

Menurut al-Syathibi (1997), pencarian maqasid melalui *istiqra'* adalah melibatkan penelitian secara deduktif terhadap dalil-dalil yang mensabitkan maqasid syariah. Penelitian ini boleh berlaku dalam dua keadaan sama ada penelitian terhadap semua dalil yang ada mahupun sebahagian daripadanya. *Istiqla' tam* sudah tentu akan menghasilkan natijah yang *qat'i* manakala *istiqla' juz'i* pula akan menghasilkan natijah yang *zanni*. Adapun kaedah kedua ini merupakan kaedah yang lebih popular digunakan oleh para fuqaha. Menurut al-Syathibi (1997) juga bahawa kaedah *istiqla'* ini terletak pada hakikat bahawa ia boleh memberi maklumat secara terperinci.

Manakala kaedah kedua pula dalam mencari maqasid itu adalah dengan cara penelitian terhadap *i'lal* hukum. Menurut al-Syathibi (1997) juga, kaedah ini adalah tertumpu kepada usaha untuk mengetahui rahsia di sebalik setiap hukum. Jika di dalam ilmu usul al-fiqh itu, ia dikenali sebagai *masalik 'ilal*. Secara dasarnya, terdapat sembilan cara untuk menentukan *'ilal* sesuatu hukum, antaranya adalah ijmak ulama terhadap sesuatu *'ilal*, nas al-Quran, isyarat, kemunasabahan, memerhati keserupaan antara hukum dan sebagainya.

Adapun kaedah terakhir yang dibawa oleh al-Syathibi (1997) dalam mencari maqasid adalah dengan cara penelitian terhadap suruhan dan larangan Allah kepada sesuatu perkara. Sesuatu maqasid itu dapat dikenal pasti dan difahami apabila seseorang itu mendalami tujuan dan sebab sesuatu suruhan dan larangan itu ditetapkan oleh Allah. Hal ini bermaksud, maqasid ke atas setiap suruhan itu adalah merujuk kepada arahan melakukannya sementara maqasid larangan itu pula merujuk kepada arahan meninggalkannya.

### **Kemampuan untuk Membezakan antara *Maqasid* dan *Wasa'iil***

Dalam menerapkan maqasid dalam sesuatu fatwa, perbezaan istilah bagi maqasid dan *wasa'iil* itu juga mesti diketahui. Ia menjadi suatu kemestian agar seseorang mujtahid itu tidak tersalah dalam menerapkan *wasa'iil* di dalam fatwa dan bukannya maqasid. Istilah maqasid syariah adalah tidak asing lagi pada hari ini kerana ia telah dibahaskan oleh ramai ilmuan tentangnya. Maka dengan itu, sudah cukuplah penulis datangkan maksud maqasid daripada Ahmad Raysuni (1992) sahaja yang mana beliau mentakrifkannya sebagai, matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Takrifan ini turut disokong oleh takrifan yang di bawa oleh al-Yubi (2009), yang mana beliau mentakrifkan maqasid itu sebagai, makna, hikmah dan sebagainya yang diberikan perhatian oleh tuhan iaitu Allah di dalam mensyariatkan sesuatu yang bersifat umum atau khusus demi merealisasikan maslahat dan kepentingan hamba-hambanya.

Adapun *wasa'iil* adalah perkataan jamak daripada kata dasar wasilah. Ia mempunyai banyak maksud, antaranya bermaksud al-qurbah iaitu mendekatkan diri kepada yang lain (Kadir, Yusoff, & Hashim, 2017). Menurut Ibn ‘Ashur (1984) pula, ia merupakan sesuatu yang boleh menyampaikan maksud yang baik kepada Allah serta mendekatkan diri seorang hamba kepadanya dengan beramal pada

segenap arahan dan perintah Allah serta meninggalkan segenap tegahan dan larangan-Nya. Namun begitu dalam konteks ini ia bererti setiap sesuatu yang dengannya dapat direalisasikan tujuan tertentu. Perbezaan terbesar dalam memahami kedua-dua istilah ini adalah pada sudut sifatnya.

Menurut penulis, maqasid adalah bersifat tetap dan kekal. Ia tidak boleh diubah kerana datangnya daripada Allah yang berkeinginan seperti yang diinginkan. Manakala *wasa'il* adalah bersifat tidak tetap dan boleh berubah-ubah. Sekiranya terdapat di antara mujtahid yang menjadikan maqasid itu sebagai *wasa'il* dan sebaliknya, maka itu merupakan suatu kesilapan besar dan nescaya akan mengundang kepada pengeluaran hukum yang tidak harmoni. Secara mudahnya, penulis datangkan contoh dalam membezakan di antara maqasid dan *wasa'il* dalam bab zakat fitrah seperti dua hadis yang pernah diriwayatkan. Hadis pertama yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri bermaksud:

“Kami mengeluarkan zakat fitrah dengan satu *sa'* (timbangan antara 2040 gram – 2751 gram) makanan, satu *sa'* dari gandum, satu *sa'* kurma, satu *sa'* keju, satu *sa'* dari kismis”.  
(H.R. Al-Bukhari: 1434)

Manakala hadis kedua pula daripada Ibn ‘Abbas yang bermaksud:

“Rasulullah mewajibkan zakat fitrah sebagai penyucian bagi orang yang berpuasa dari percakapan dan perbuatan sia-sia, serta sebagai makanan untuk orang miskin”. (H.R. Abu Dawud: 1609)

Daripada hadis ini, jelas menunjukkan bahawa maqasid bagi zakat fitrah itu adalah untuk menyucikannya dari percakapan dan perbuatan sia-sia. Manakala maqasid ke atas si penerimanya pula adalah untuk memenuhi keperluannya pada Hari Raya Puasa (Raysuni, 1999). Maqasid ini jelas dipaparkan oleh Rasulullah di dalam hadis kedua sebagai sandaran syarak dan ia tidak boleh diubah. Adapun yang boleh diubah adalah *wasa'ilnya* iaitu perkara-perkara yang boleh dizakatkan seperti yang disebut di dalam hadis yang pertama. Ia melibatkan gandum, kurma, keju dan kismis. Oleh kerana ia boleh diubah, para mujtahid pada hari ini mengharuskan zakat fitrah itu dengan menggunakan wang (Raysuni, 1999).

### **Mengenalpasti ‘illah dalam sesuatu Suruhan mahupun Larangan**

Mengenal pasti sebab ataupun ‘illah dalam sesuatu suruhan mahupun larangan juga merupakan perkara terpenting ketika menerapkan maqasid syariah dalam sesuatu fatwa. Pun begitu, harus diingatkan juga bahawa tidak semua suruhan dan larangan itu diketahui ‘illahnya. Sekiranya telah diketahui ‘illahnya, maka seseorang mujtahid itu mesti memperakui kerana ‘illah tersebut datangnya dari sandaran nas syarak yang muktabar. Sebagai contohnya ‘illah perkahwinan adalah untuk mengembangkan zuriat, ‘illah jual beli adalah untuk mendapatkan manfaat barang yang diakad dan sebagainya. Namun begitu, sekiranya sesuatu ‘illah itu tidak diketahui secara jelas maka setiap mujtahid itu mesti berhenti dalam memperakui maqasid ke atas setiap suruhan mahupun larangan itu. Ini adalah kerana tiada dalil khusus yang menjadi ‘illah dan ditakuti tidak menepati maqasid syariah atau kehendak Syarak (Bahari, 2015).

Hal ini penting agar seseorang mujtahid itu tidak sewenang-wenangnya menggunakan akal semata-mata dalam menetapkan sesuatu maqasid pensyariatan. Sekiranya tiada dalil khusus ke atas sesuatu ‘illah tersebut, maka maqasid syariah itu tidak boleh ditentukan (Ibn ‘Ashur, 2013). Jika dilihat daripada pandangan ahli-ahli sarjana usul al-fiqh terawal seperti al-Ghazali, al-Amidi dan selainnya, mereka memperakui bahawa hanya ‘illah sahaja yang menepati maqasid atau tujuan syarak dalam

merealisasikan sesuatu *maslahah* itu diterima ataupun tidak dalam sesuatu pensyariatan. Menurut al-Ghazali (1993), sesuatu ‘*illah* itu ditentukan berdasarkan munasabah atau kesesuaian dan kesepadan. Oleh itu, seseorang mujtahid itu mesti melihat sama ada ‘*illah* yang dijumpai itu rasional iaitu disokong oleh nas ataupun tidak. Sekiranya disokong oleh nas, maka maqasidnya adalah sah dan sekiranya tidak disokong oleh mana-mana nas, maka maqasidnya adalah tidak sah dan harus ditolak.

Sebagai contoh mudahnya adalah, apabila ditanya tentang sebab mengapa seseorang itu menunaikan solat dan dijawab pula sebagai perintah oleh Allah semata-mata, maka itu bukanlah maqasid utama dalam pensyariatan solat. Ini kerana sokongan nas tidak memperakui ‘*illah* terhadap suruhan tersebut. Sesungguhnya antara maqasid solat itu adalah untuk mencegah dari melakukan perkara-perkara yang keji dan mungkar. Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya solat itu menghalang daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan mungkar”. (Q.S. Al-‘Ankabut: 29:45)

Itu yang disebut sebagai ‘*illah*. Ia adalah perkara zahir yang dicipta oleh syarak untuk menghubungkan antara hukum dan asas pembinaannya bagi merealisasikan hikmah dalam sesuatu hukum (Khallaf, 1972). Menurut Raysuni (1995), para fuqaha juga turut menggunakan istilah ma’na selain daripada ‘*illah*, hikmah dan *maslahah* dalam menetapkan sesuatu syariat dan hukum. Sekiranya istilah-istilah ini tidak mampu dikuasai dan dicari oleh seorang mujtahid, nescaya kesannya turut mempengaruhi kepada pengeluaran fatwa.

### **Mampu membezakan antara *Thawabit* dan *Mutaghayyirat***

Dalam pengeluaran sesuatu fatwa, mengenal pasti perbezaan antara *thawabit* dan *mutaghayyirat* juga mesti diambil kira oleh setiap mujtahid. Ini kerana pensyariatan hukum yang terdapat di dalam al-Quran dan Sunnah terangkum dalam dua komponen iaitu *thawabit* (perkara yang tetap dan kekal) dan *mutaghayyirat* (perkara yang boleh berubah). *Thawabit* adalah fundamental Islam yang merupakan rukun, asas dan prinsip agama yang tidak berubah hingga ke hari kiamat, manakala *mutaghayyirat* adalah ‘furu’ atau cabang-cabang hukum yang boleh berubah mengikut keadaan suasana dan zaman (Man, 2019).

Seperti yang maklum, bukan semua perkara itu boleh dibuka pintu ijтиhadnya dan semudahnya maqasid itu boleh diserapkan secara langsung. Ia memerlukan kepada kajian yang lebih terperinci sebelum maqasid diserapkan di dalam satu-satu fatwa. Adapun *thawabit* adalah hukum-hukum syarak yang ditetapkan melalui dalil-dalil yang *qat’i* dari sudut *dilalah* dan *thubut* mahupun dengan *ijmak* yang sahih (al-Qaradawi, 2018). Ia adalah melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah, ibadat, perkara yang telah ditentukan kadarnya oleh syarak, perkara-perkara asas muamalat, prinsip muamalat dan sebagainya. Al-Khadimi (2003) menambah, ia juga meliputi perkara-perkara umum yang bersifat *qat’i* sama ada dengan adanya nas, *ijmak*, perkara yang sedia ada maklum dalam agama “*ma’ulim min al-din bi al-darurah*”, dan apa sahaja yang tidak menerima perubahan dan gantian seperti sifat *qat’i* pada mutawatir dan *ijmak*.

Manakala *mutaghayyirat* pula adalah hukum-hakam yang ditetapkan melalui dalil *zanni*, *qiyyas*, *masalih mursalah* mahupun adat kebiasaan (al-Qaradawi, 2018). Menurut fuqaha, hal-hal yang berkaitan dengan *mutaghayyirat* ini sahaja yang dibenarkan untuk berijtihad termasuk secara maqasidi. Adapun perkara-perkara *thawabit* tidak dibenarkan oleh syarak untuk diijtihad secara

maqasidi kerana penetapan hukumnya adalah *qat'i* seperti asal dan tidak ada seorang pun yang boleh mempertikaikannya. Pertikaian secara maqasidi terhadap perkara-perkara *thawabit* boleh mengundang kepada kecelaruan akidah dan seterusnya menggoyahkan pegangan akidah ahli sunah wa al-jamaah.

Antara contoh mudahnya dalam hal *mutaghayyirat* adalah berkaitan dengan ijтиhad sama ada anggota kaki ketika berwuduk itu mesti disapu ataupun dibasuh. Seperti mana firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kalian ingin menunaikan solat, maka basuhlah muka-mukamu, dan tangan-tanganmu hingga ke siku, dan sapulah kepalamu dan kakimu hingga ke buku lali”. (Q.S. Al-Ma‘idah: 5:6)

Daripada ayat ini, penulis akui bahawa ayat ini adalah *qat'i thubuti* disebabkan ia adalah ayat daripada al-Quran, namun ia telah diklasifikasikan sebagai *zanni* pada dilalah. Para ulama berbeza pendapat dalam hal menyapu mahupun membasuh anggota kaki ketika berwuduk. Ia menjadi khilaf apabila terdapat dua bacaan pada ayat ﴿أَرْجُلَكُمْ وَأَرْجُلَهُوكُمْ وَأَيْدِيكُمْ﴾ iaitu dengan membaris ataskan huruf lam mahupun dibaca dengan baris bawah.

Adapun pendapat yang membacanya dengan ﴿أَرْجُلَكُمْ﴾, maka anggota kaki untuk berwuduk itu mesti dibasuh. Ini kerana perkataan ﴿أَرْجُلَكُمْ﴾ itu adalah ‘*ataf* kepada perkataan *وَأَيْدِيكُمْ*’. Manakala pendapat yang membacanya dengan ﴿أَرْجُلَهُوكُمْ﴾, maka anggota kaki untuk berwuduk itu mesti disapu sahaja. Ini kerana perkataan ﴿أَرْجُلَهُوكُمْ﴾ itu pula adalah ‘*ataf* kepada perkataan *بِرْ عُوسِكْمَ*’. Namun, jumhur ulama mengambil pendapat yang pertama sebagai pendapat yang rajih (Darwish, 2003).

## Kesimpulan

Secara tuntasnya, penulis dapat rumuskan bahawa *ijtihad maqasidi* ialah penerapan maqasid syariah dalam semua proses hal ehwal ijтиhad untuk mendapatkan hukum-hakam yang harmoni demi menjaga lima prinsip asasnya iaitu agama, jiwa, akal, keturunan mahupun harta serta menolak segala kerosakan. Terdapat lima garis panduan dalam menerapkan maqasid syariah ketika berijтиhad iaitu dimulai dengan penguasaan ilmu maqasid syariah, penerapan maqasid syariah bersumberkan dalil yang kukuh, mampu membezakan di antara maqasid dan *wasa'il*, mampu mengenal pasti *'illah* dalam sesuatu suruhan mahupun larangan dan mampu membezakan antara *thawabit* dan *mutaghayyirat*. Kesemua garis panduan ini adalah wajar diperluaskan lagi agar setiap ijтиhad dalam fatwa yang dilakukan adalah benar-benar mencapai tujuan dan matlamat syarak.

## Rujukan

- Abu Zahrah, M. (1965). *Usul al-Fiqh*. Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Fayyumi, A. I. (1906). *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir* (Jld. 7). University of North Carolina.
- Al-Ghazzali, M. I. (1993). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* (Jld. 1). Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Khadimi. (2010). *Ijtihad Maqasidi* (ed. Pertama). Dar Ibn Hazm.
- Al-Khadimi, N. a.-D. (2003). *Al-Maqasid al-Shar'iyyah*. Riyadh: Kunuz Ashbiliya.

- Al-Qaradawi. (2018). *Fiqh al-Dawabit wa al-Mutaghayyirat*. Didapatkan Ogos 2018, 6, daripada qaradhawi.com: <http://www.qaradhawi.com>
- Al-Qazwini, I. F., & Ahmad, A. a.-H. (1986). *Mujmal al-Lughah* (Jld. 3). (Z. A.-M. Sultan, Ed.) Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Sayuti, J. (1983). *Al-Radd 'ala Man Akhlag ilal-Ard*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Syathibi. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* (Jld. 2). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Yubi, M. S. (2009). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiah wa 'Alaqatuha bi al-Adillah al-Shar'iyyah* (ed. Kedua). Dar Ibnu Al-Jawzi.
- Al-Zarkashi, M. (1992). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Hurghada: Dar Al-Sofwah.
- Al-Zuhayli, W. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami* (Jld. 2). Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Zuhayli, W. M. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq : Dar al-Fikr.
- Andriyaldi. (2013). Ijtihad Maqashidiy (Kontekstualisasi Teori Maqashid Syariah di Era Modern). *Al-Hurriyah*, 14(1), 23-36. Didapatkan Ogos 17, 2022, daripada <https://ejournal.iainbukittinggi.ac.id/index.php/alhurriyah/article/download/594/338>
- Bahari, N. B. (2015). Pembentukan Hukum Berasaskan Maqasid Shari'ah: Analisis Metode Pengenalpastian dan Kawalan oleh al-Syathibi dan Ibn Ashur. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Bhari, A. B. (2010). *Maslahah Sebagai Satu Justifikasi Terhadap Keharusan Sambutan Maulidur Rasul di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Creswell. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Thosand Oaks: Sage.
- Darwish, M. a.-D. (2003). *I'rab al-Qur'an* (Jld. 2). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ghalayayni, M. (1986). *Jami' al-Durus al-'Arabiyyah*. Beirut: Manshurat al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ghazali, M. R. (2015). Kepentingan Maqasid Syariah dalam Berfatwa di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- Ghazali, M. R. (2015). Kepentingan Maqasid Syariah dalam Berfatwa di Malaysia. *Jurnal INFAD*, 7-32. Didapatkan Ogos 17, 2022, daripada [https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/4636/1/Jurnal%20of%20Fatwa%20and%20Management%20Research\\_JURNAL\\_VOL%204\\_Kepentingan%20Maqasid%20syariah%20dalam%20berfatwa%20di%20Malaysia.pdf](https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/4636/1/Jurnal%20of%20Fatwa%20and%20Management%20Research_JURNAL_VOL%204_Kepentingan%20Maqasid%20syariah%20dalam%20berfatwa%20di%20Malaysia.pdf)
- Ibn 'Ashur. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Beirut: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Ibn 'Ashur, A.-T. (2013). *Treatise on Maqasid al-Shariah*. (M. E.-T. El-Mesawi, Penterjemah) The International Institute of Islamic Thought; Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Ismail, A. M., & Baharuddin, A. S. (2021). Prinsip Ketelitian Dalam Pengeluaran Fatwa. *Jurnal pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- Kadir, F. A., Yusoff, Y. M., & Hashim, Z. (2017). Pembangunan Insan Berdasarkan wasa 'il al-Tarbiyah: Kajian Terhadap Kitab Majmu'at al-Rasail Tulisan al-Banna. *Jurnal al-Tamaddun*.
- Khallaq, A. a.-W. (1972). *Masadir al-Tashri' al-Islami fi Ma Nass fihi*. Kuwait: Dar al-Qalam.

- Man, S. (2019). *Fiqh Semasa Konsep dan Aplikasinya*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam . Universiti Malaya.
- Mawardi, A. I. (2010). *Fiqh Minoritas Fiqh al-Aqliyyat dan Evolusi Maqasid al-Syariah dari Konsep ke Pendekatan*. Yogyakarta.
- Miles, B., & Huberman, M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*. California: Sage.
- Munawwir, A. W. (1997). *Al-Munawwir Kamus Arab-Indonesia Terlengkap*. Surabaya: Pustaka Progresif.
- Mustafa, A. M., Ali, E. M., & Saadan, M. K. (2019). Kepentingan Maqasid Syariah dalam Kepentingan Maqasid Syariah dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 132-150. Didapatkan Ogos 17, 2022, daripada <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat/images/article/vol-2/19-03-Kepentingan-Maqasid-Syariah-dalam-Keputusan-Muzakarah.pdf>
- Namlah, A. K. (2009). *Al-Muhadhdhab fi 'Ilm Usul al-Fiqh al-Muqarin* (ed. Kelima). Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Omar, S. N., & Hussin, M. N. (2020). Pemakaian Kaerah-kaerah Fekah di Wilayah Persekutuan dari Tahun 2010-2014. *Online Journal Research In Islamic Studies*.
- Raysuni, A. (1992). *Nazariyyah al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Syathibi*. Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Raysuni, A. (1995). *Nazariyyah al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Syathibi*. Riyadh: Al-Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.
- Raysuni, A. (1999). *Al-Fikr al-Maqasidi: Qawa'iduh wa Fawai'duh*. Matba'ah al-Najah al-Jadidah.
- Raysuni, A. (2014). *Nazariyyah al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Syathibi*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Rosalina, Y. (2017). Masuknya Paradigma Interpretif pada Kajian Ilmu Akuntansi. *Jurnal Analisa Akuntansi dan Perpajakan*, 1(1), 51-62.
- Umar, A. M. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. 'Alam al-Kutub.